



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PENDIDIKAN SAINS, SOSIAL DAN ALAM SEKITAR (MASALAH PEMBELAJARAN) TAHUN 5

# PENDIDIKAN SAINS, SOSIAL DAN ALAM SEKITAR

(MASALAH PEMBELAJARAN)

Tahun 5



RM15.00

ISBN 978-983-49-2865-0




9 789834 928650

BTK925001







# RUKUN NEGARA

## Bahawasanya Negara Kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks			
Sekolah _____			
Tahun	Darjah	Nama Penerima	Tarikh Terima
Nombor Perolehan: _____			
Tarikh Penerimaan: _____			
<b>BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL</b>			



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH PENDIDIKAN KHAS (SEMAKAN 2017)

# PENDIDIKAN SAINS, SOSIAL DAN ALAM SEKITAR

(MASALAH PEMBELAJARAN)

**Tahun 5**

**Penulis**

Noorasrida binti Bahauddin  
Muhd Aidil Firdaus bin Mohd Abdullah

**Editor**

Siti Hanim binti Yunus  
Zaidah binti Ahmad Rosly

**Pereka Bentuk**

Sahrizam bin Mohd Radzali

**Ilustrator**

Hasbullah bin Abu Hashim



**DBP**

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2020





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0068

KK 507-221-0102011-49-2865-20101  
ISBN 978-983-49-2865-0

Cetakan Pertama 2020  
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2020

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)  
No. Faksimile: 03-21479643  
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:  
Percetakan Rina Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim  
Saiz Muka Taip Teks: 16 poin

Dicetak oleh:  
Firdaus Press Sdn. Bhd.,  
No. 28, Jalan PBS 14/4,  
Taman Perindustrian Bukit Serdang,  
Seri Kembangan,  
43300 Serdang,  
Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Penerbitan pakej buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Panel Pembaca Luar, DBP.
- Organisasi atau institusi yang telah memberikan kerjasama dan membenarkan karya atau bahan terbitannya digunakan sebagai bahan pembelajaran.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.





# KANDUNGAN

PENDAHULUAN	iv
<b>UNIT 1 KEPERLUAN ASAS MANUSIA</b>	1
Keperluan Asas Kita	2
Pentingnya Keperluan Asas	4
Aduh, Sukarnya Tanpa Keperluan Asas!	6
Hargailah Keperluan Asas Kita	8
Saya Ingat	10
Saya Jawab	11

<b>UNIT 2 KEHIDUPAN HAIWAN</b>	13
Keperluan Asas Haiwan	14
Bagaimanakah Haiwan Membiak?	16
Kitaran Hidup Haiwan	18
Hargai Haiwan di Sekeliling Kita	20
Saya Ingat	22
Saya Jawab	24

<b>UNIT 3 TUMBESARAN TUMBUHAN</b>	25
Keperluan Asas Tumbuhan	26
Lihatlah Tumbesaran Saya	30
Hargailah dan Peliharalah Saya	32
Saya Ingat	34
Saya Jawab	35

<b>UNIT 4 TENAGA ELEKTRIK</b>	37
Sumber Tenaga Elektrik	38
Fungsi Tenaga Elektrik	40
Kepentingan Tenaga Elektrik	42
Penjimatan Tenaga Elektrik	44
Litar Elektrik Lengkap	46
Saya Ingat	49
Saya Jawab	50

<b>UNIT 5 PETROLEUM</b>	51
Kenali Petroleum	52
Kegunaan Petroleum di Sekeliling Kita	53
Kepentingan Petroleum	56
Hargailah Produk Petroleum	59
Saya Ingat	61
Saya Jawab	62

<b>UNIT 6 MASYARAKAT MALAYSIA</b>	63
Kenali Identiti Negara Kita	64
Budaya dan Amalan Masyarakat Kita	66
Uniknya Masyarakat Malaysia	71
Amalan dan Budaya Masyarakat	73
Inklusif	73
Saya Ingat	75
Saya Jawab	76

<b>UNIT 7 KEMAHIRAN BERURUSAN DI KAUNTER</b>	77
Jenis Perkhidmatan Kaunter	78
Kemahiran Berkomunikasi di Kaunter	82
Etika Berkomunikasi di Kaunter	84
Mari Bermain Dam Komunikasi	86
Saya Ingat	89
Saya Jawab	90



## PENDAHULUAN

Buku teks *Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar (Masalah Pembelajaran) Tahun 5* ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar (Masalah Pembelajaran) Tahun 5 yang bertujuan untuk memenuhi kehendak Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Semakan 2017 Kementerian Pendidikan Malaysia serta menepati hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Buku ini dihasilkan agar pembelajaran yang diperoleh di bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian. Selain itu, buku ini menyediakan pendidikan berkualiti untuk murid berkeperluan khas (MBK) supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berupaya menjalani kehidupan dengan lebih bermakna.

Kandungan buku teks ini meliputi asas pembelajaran sains, geografi atau alam sekitar, sejarah dan kemahiran sosial. Sebagai kesinambungan buku teks *Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar (Masalah Pembelajaran) Tahun 4*, buku ini masih mengekalkan tema yang sama, iaitu manusia, haiwan, tumbuhan, alam sekitar dan kemahiran sosial.

Dalam buku ini, terdapat tujuh unit. Setiap unit mengandungi halaman rangsangan, dan diikuti dengan kandungan pembelajaran, rumusan dan soalan latihan. Di samping itu, terdapat beberapa penyendal untuk membangkitkan rasa ingin tahu, dan meningkatkan cara berfikir kritis dan kreatif murid. Elemen Merentas Kurikulum (EMK) turut diselitkan dalam setiap unit pembelajaran.

Akhir sekali, kandungan buku teks *Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar (Masalah Pembelajaran) Tahun 5* ini diharapkan dapat melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan asas sains melalui pemerhatian, pengalaman dan penyiasatan. Seterusnya, murid diharapkan dapat mengenali dan menghargai alam sekitar. Pembelajaran tentang kemahiran sosial pula membolehkan murid mengaplikasikan kemahiran berkomunikasi dan interaksi sosial yang positif demi membina jati diri sebagai warganegara yang holistik, bersemangat patriotisme dan memiliki nilai murni dalam kehidupan harian.



## Penggunaan Ikon dalam Buku Teks



Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Soalan yang berkaitan dengan kandungan pembelajaran.



Aktiviti berbentuk eksperimen atau penyiasatan.

Rumusan pada akhir setiap unit.



Soalan latihan pelbagai aras.

Maklumat tambahan berbentuk video, laman web atau yang berkaitan dengan kandungan pembelajaran.

Imbas Saga



Kemahiran Pembelajaran Abad Ke-21.

Informasi tambahan.





# Pengenalan Watak



Azim



Kiran



Mei Li



Elsie



## UNIT 1

# KEPERLUAN ASAS MANUSIA

Nama saya Azim. Saya berumur 11 tahun. Saya tinggal di kampung bersama-sama dengan keluarga saya.



Segarnya udara di sini!




### Soalan

Berdasarkan gambar di atas, apakah yang sedang dilakukan oleh keluarga Azim?

## Keperluan Asas Kita

Keperluan asas ialah sesuatu yang diperlukan oleh manusia untuk terus hidup. Keperluan tersebut ialah udara, air, makanan dan tempat berlindung.




Mari kita mendaki Bukit Raya bersama-sama dengan Azim dan ayahnya. Cuba kawan-kawan kenal pasti keperluan asas mereka.

Azim sudah bersedia untuk mendaki Bukit Raya?


Sudah, ayah. Jom kita gerak.

Mari kita makan di tepi sungai ini. Mesti kamu sudah lapar.

Ya, ayah. Perut saya sudah berbunyi.







BUKIT RAYA

Segarnya udara di sini.

Tempat kita berlindung pun ada.

TAMAT

Ayah, saya dahaga.

Kita berhenti dulu, ya. Kita minum air.

**Soalan**

Apakah keperluan asas manusia?

BA : I-3  
SP : I.I.I

## Pentingnya Keperluan Asas

Setiap keperluan asas mempunyai kepentingan yang tersendiri kepada manusia. Mari kita menyanyikan lagu ini bersama-sama.

Mari kawan-kawan  
Mari kita belajar  
Keperluan asas manusia  
Ada empat perkara

Udara yang bersih  
Harus kita jaga  
Penting untuk bernafas  
Kita hirup setiap masa

Oh air yang bersih  
Penting untuk manusia  
Kekalkan suhu badan  
Kita minum secukupnya

Makanan berkhasiat  
Perlu kita amalkan  
Badan bertenaga  
Itulah kepentingannya

Tempat untuk berlindung  
Mestilah sentiasa bersih  
Agar lebih selamat  
Kehidupan kita semua.

(Ulang rangkap pertama)

Irama lagu:  
Tepuk Amai-amai



Imbas Saya






Kepentingan keperluan asas adalah seperti yang berikut:

### Keperluan Asas


### Kepentingan



Bernafas.



Mengekalkan suhu badan dan menghilangkan dahaga.



Memberikan tenaga dan mengekalkan kesihatan.



Melindungi diri daripada cuaca panas, hujan dan bahaya.



### Informasi Tambahan

70 peratus daripada kandungan tubuh badan manusia ialah air.

BA : 4-5  
SP: 1.1.2


## Aduh, Sukarnya Tanpa Keperluan Asas!

Jika keperluan asas tidak dipenuhi, kehidupan manusia akan terjejas. Antaranya termasuklah:

1. Kekurangan udara yang bersih menyebabkan kita sukar bernafas.



2. Kekurangan air dalam badan menyebabkan kita menjadi lemah.






3. Kekurangan makanan menyebabkan badan kita menjadi lemah dan boleh menjejaskan kesihatan.



4. Tanpa tempat berlindung, kita akan terdedah kepada cuaca panas, hujan dan bahaya.




Bagaimanakah pencemaran udara dan air memberikan kesan kepada kehidupan harian manusia?



BA : 6-7  
SP: I.I.3

## Hargailah Keperluan Asas Kita

Kita hendaklah bersyukur atas nikmat keperluan asas yang diberikan kepada kita. Oleh itu, kita perlu mengetahui cara untuk menjaga dan menghargai keperluan asas tersebut dengan baik.





3



Saya makan mengikut keperluan supaya tidak membazir.

4



Saya membersihkan rumah dan persekitarannya supaya selamat didiami.



Sebagai seorang anak, jelaskan cara yang boleh kamu lakukan untuk memastikan rumah kamu dalam keadaan yang bersih dan selamat.

BA : 8-10  
SP: 1.1.4


## Saya Ingat

1. Keperluan asas manusia ialah udara, air, makanan dan tempat berlindung.
2. Kepentingan keperluan asas manusia ialah:

Keperluan Asas Manusia	Kepentingan
(a) Udara	Bernafas.
(b) Air	Mengekalkan suhu badan dan menghilangkan dahaga.
(c) Makanan	Memberikan tenaga dan mengekalkan kesihatan.
(d) Tempat Berlindung	Melindungi diri daripada cuaca panas, hujan dan bahaya.



## 4. Cara Menghargai Keperluan Asas Manusia








## Saya Jawab

Jawab semua soalan dalam buku latihan.


1. Nyatakan keperluan asas manusia dalam gambar di bawah.




---



---



---



---

2. Nyatakan kepentingan keperluan asas di bawah.

Keperluan Asas	Kepentingan
(a) Udara	
(b) Air	
(c) Makanan	
(d) Tempat Berlindung	

3. Padankan jawapan yang betul.

(a) Kekurangan udara yang bersih menyebabkan

kita akan terdedah kepada cuaca panas, hujan dan bahaya.

(b) Kekurangan air dalam badan menyebabkan

badan kita menjadi lemah dan boleh menjejaskan kesihatan.

(c) Kekurangan makanan menyebabkan

kita menjadi lemah.


(d) Tanpa tempat berlindung

kita sukar bernafas.

4. Nyatakan satu keperluan asas manusia yang kamu tahu. Terangkan cara kamu menghargai keperluan asas tersebut.



Perhatikan gambar. Ceritakan.



Dahaganya!

Ibu, saya lapar.

Mengapakah tempat tinggal kita diganggu?

## Keperluan Asas Haiwan

Haiwan memerlukan keperluan asas untuk hidup. Keperluan asas haiwan ialah udara, air, makanan dan tempat berlindung. Mari kita lihat kehidupan Orang Utan di Pusat Pemuliharaan Orang Utan di Sepilok, Sabah.

1.

Terbang sekawan si burung kedidi,  
Melayang tinggi membelah awan;  
Hutan rimba habitat semula jadi,  
Tempat berlindung banyak haiwan.

2.


Pohon saga di tepi jalanan,  
Tumbuh rendang suasananya redup;  
Haiwan juga perlukan makanan,  
Sumber tenaga teruskan hidup.



### Informasi Tambahan

Habitat haiwan bermaksud tempat tinggal bagi haiwan. Ada haiwan yang hidup di darat dan ada haiwan yang hidup di dalam air. Ada juga haiwan yang hidup di kedua-dua tempat, iaitu di darat dan di dalam air.





3.

Daun selasih letak di raga,  
Hendak dibuat penambah rasa;  
Udara bersih perlu dijaga,  
Haiwan bernafas setiap masa.

4.

Sejuk nyaman sungai mengalir,  
Mudik ke hulu mendayung sampan;  
Haiwan juga perlukan air,  
Kerana air sumber kehidupan.

Imbas Saya



Selain Pusat Pemuliharaan Orang Utan di Sepilok Sabah, terdapat juga pusat pemuliharaan untuk haiwan yang lain seperti Pusat Penyu dan Ekosistem Marin di Rantau Abang, Terengganu. Pada pendapat kamu, mengapakah pusat pemuliharaan haiwan ini diwujudkan?

BA : 11-13  
SP : 2.1.1

## Bagaimanakah Haiwan Membiak?

Haiwan perlu membiak untuk mengelakkannya daripada pupus. Haiwan membiak dengan dua cara, iaitu bertelur dan melahirkan anak. Mari kita kenal pasti haiwan yang bertelur.

1



Ayam

2



Ular

3



Penyu

4



Katak

### Soalan

Nyatakan jenis haiwan lain yang bertelur.



Haiwan yang membiak dengan cara melahirkan anak ditunjukkan dalam gambar berikut:

1



Harimau

2



Lembu

3



Kucing

4



Paus

 Soalan

Nyatakan haiwan lain yang membiak dengan cara melahirkan anak selain di atas.

BA : I4-16  
SP : 2.1.2

# Kitaran Hidup Haiwan

Kitaran hidup haiwan ialah peringkat pertumbuhan yang berlaku bagi haiwan. Haiwan akan berubah dari segi saiz dan bentuk semasa proses ini.

## (A) Kitaran Hidup Rama-rama

Proses kitaran hidup bagi haiwan bertelur seperti rama-rama adalah seperti dalam gambar rajah yang berikut:



Imbas Saya




Bagaimanakah rama-rama mendapatkan makanan untuk terus hidup?



## (B) Kitaran Hidup Arnab


Arnab merupakan haiwan yang mempunyai peringkat tumbesaran dalam kitaran hidupnya. Gambar rajah menunjukkan kitaran hidup arnab.



### Saya Cuba

Berudu, Oh, Berudu!

1. Cari berudu di sekitar kawasan rumah atau sekolah kamu.
2. Masukkan berudu ke dalam akuarium kecil.
3. Perhatikan perubahan fizikal berudu selepas seminggu.
4. Terangkan pemerhatian kamu kepada guru.



BA : 17-18  
SP: 2.1.3


## Hargai Haiwan di Sekeliling Kita

Kita mestilah menghargai dan menunjukkan perasaan sayang terhadap haiwan. Antara cara yang boleh kita lakukan termasuklah:

1. Memastikan keperluan asas haiwan yang dipelihara mencukupi.



2. Merawat atau membawa haiwan yang sakit ke klinik haiwan untuk mendapatkan rawatan.





3. Menjaga tempat berlindung atau habitat haiwan daripada dimusnahkan.



4. Melindungi haiwan supaya tidak ditangkap atau dibunuh sesuka hati.



Semasa pulang dari sekolah, kamu terjumpa seekor kucing yang terjatuh ke dalam longkang. Sebagai seorang murid yang sayang akan haiwan, apakah tindakan kamu?


BA : 19-20  
SP: 2.1.4

## Saya Ingat

1. Keperluan asas haiwan ialah udara, air, makanan dan tempat berlindung.
2. Haiwan membiak dengan cara melahirkan anak dan bertelur.
3. Yang berikut ialah contoh haiwan yang membiak melalui dua cara, iaitu:


Bertelur	Melahirkan anak
Ayam	Harimau
Ular	Lembu
Penyu	Kucing
Katak	Paus

4. Gambar rajah kitaran hidup rama-rama adalah seperti yang berikut:






5. Gambar rajah kitaran hidup arnab adalah seperti yang berikut:



6. Cara menghargai kepentingan haiwan:






## Saya Jawab


Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Nyatakan keperluan asas haiwan di bawah.



2. Lengkapkan rajah di bawah.

### Cara Pembiakan Haiwan




3. Senaraikan empat haiwan yang bertelur dan empat haiwan yang melahirkan anak.

4. Susun peringkat kitaran hidup rama-rama mengikut urutan.

(a) Rama-rama    (b) Pupa    (c) Larva    (d) Telur

5. Nyatakan peringkat kitaran hidup arnab.



6. Terangkan cara kamu menghargai kepentingan haiwan dalam kehidupan.



Ibu,  
mengapakah  
ibu menyiram  
pokok bunga  
setiap hari?




Mari kita meneka jawapan yang akan  
diberikan oleh ibu Mei Li.




## Keperluan Asas Tumbuhan

Tumbuhan memerlukan keperluan asas untuk membesar. Keperluan asas tumbuhan ialah udara, air dan cahaya matahari. Mari kita ikuti cerita tentang pokok cili di bawah.







**Soalan**

Berdasarkan cerita di atas, apakah keperluan asas bagi tumbuhan?



## Saya Cuba

## Tumbuhan Memerlukan Air

### Alat dan Bahan:

1. Anak pokok kacang hijau
2. Bekas
3. Penyiram mini
4. Air
5. Pen penanda



### Langkah-langkah:

Lakukan aktiviti dalam kumpulan.

1. Labelkan A dan B pada kedua-dua bekas anak pokok.



2. Letakkan anak pokok A dan B secara bersebelahan di luar kelas.









3. Siram air pada anak pokok A sebanyak dua kali setiap hari selama lima hari. Anak pokok B tidak perlu disiram dengan air.





4. Rekodkan pemerhatian kamu terhadap keadaan anak pokok A dan B selepas lima hari.

Pasu	Keadaan Anak Pokok
A	
B	

Kesimpulan:

Anak pokok A \_\_\_\_\_  kerana mendapat \_\_\_\_\_  yang cukup.

Anak pokok B \_\_\_\_\_  kerana tidak mendapat \_\_\_\_\_  yang cukup.

\_\_\_\_\_  ialah satu daripada keperluan asas tumbuhan.

Tumbuhan memerlukan udara, air dan cahaya matahari untuk membesar dengan baikny dan sihat.



### Informasi Tambahan

Penyiasatan ini boleh diubah suai untuk menguji keperluan asas tumbuhan yang lain.

BA : 21-24  
SP: 3.I.I

## Lihatlah Tumbesaran Saya

Tumbuhan mengalami tumbesaran apabila tinggi dan bilangan daun bertambah. Mari kita perhatikan peringkat tumbesaran pokok terung.



Saya biji benih.  
Saya yang paling  
kecil di sini.

Saya telah  
bercambah. Saya  
mengeluarkan pucuk  
dan akar.

Saya telah menjadi  
anak pokok. Saya  
menjadi lebih tinggi  
dan mempunyai  
banyak daun.

Biji Benih

Biji Benih  
Bercambah

Anak Pokok



Batang Ubi




Daun Setawar



### Informasi Tambahan


Selain biji benih, tumbuhan juga boleh dibiakkan melalui keratan batang dan daun.

Saya semakin  
matang dan mula  
berbunga.



Pokok Berbunga

Saya telah berbuah. Saya  
mengeluarkan buah yang  
berwarna ungu. Buah itu  
dinamai buah terung.



Pokok Berbuah



Tumbuhan tidak makan seperti benda hidup yang lain. Bagaimanakah cara tumbuhan mendapatkan makanannya untuk terus membesar?

BA : 25-26  
SP : 3.1.2



## Hargailah dan Peliharalah Saya

Tumbuhan sangat penting kepada manusia dan haiwan. Oleh itu, kita mesti menghargai dan memelihara tumbuhan dengan cara berikut:

Kempen  
Hijaukan  
Bumi




TAMAN  
SAINS

**1** Membuang atau mencabut tumbuhan yang telah mati untuk menanam tumbuhan lain.

**2** Mematuhi arahan agar tidak memijak kawasan tertentu supaya tumbuhan dapat membesar dengan baik.

**3** Menanam pelbagai jenis tumbuhan.





4 Menjaga dan memelihara pokok besar yang menjadi tempat berlindung haiwan lain.

5 Melaksanakan kempen kesedaran seperti Kempen Hijaukan Bumi.

6 Memastikan keperluan asas tumbuhan yang ditanam mencukupi.

Imbas Saya





**Soalan**

Apakah cara lain kamu menghargai dan memelihara tumbuhan untuk menjaga alam sekitar?


BA : 27-30  
SP : 3.1.3  
3.1.4

## Saya Ingat

1. Keperluan asas tumbuhan ialah udara, air dan cahaya matahari.
2. Proses tumbesaran pokok terung adalah seperti yang berikut:



3.







## Saya Jawab

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Nyatakan keperluan asas bagi tumbuhan di bawah.



2. Azim telah menjalankan uji kaji keperluan anak pokok terhadap udara, air dan cahaya matahari. Yang berikut merupakan pemerhatian Azim terhadap anak pokok:

Pasu	Keadaan anak pokok
A	Daun menjadi kering.
B	Daun layu dan kuning.
C	Daun kuning dan gugur.

Berdasarkan jadual di atas, isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

(a) Pokok A kekurangan \_\_\_\_\_ 


(b) Pokok B kekurangan \_\_\_\_\_ 

(c) Pokok C kekurangan \_\_\_\_\_ 

3. Perhatikan gambar di bawah.




A




B



C



D



E


Susun peringkat tumbesaran pokok terung mengikut urutan yang betul.



4. Jelaskan cara kamu menghargai dan memelihara tumbuhan di sekeliling untuk menjaga alam sekitar.



Azim mengikut ayahnya pergi ke sebuah restoran.



Tiba-tiba, suasana menjadi gelap.



Soalan

Apakah yang berlaku dalam situasi di atas?

## Sumber Tenaga Elektrik

Sumber tenaga elektrik ialah bahan atau objek yang boleh menyimpan atau menghasilkan tenaga elektrik. Mari kita kenal pasti sumber tenaga elektrik dalam gambar di bawah.




Bateri



Dinamo



Generator



Akumulator



Sel Solar



### Soalan


Senaraikan sumber tenaga elektrik yang terdapat di rumah kamu.

BA : 31-33  
SP : 4.1.1





## Fungsi Tenaga Elektrik

Terdapat pelbagai fungsi tenaga elektrik dalam kehidupan harian kita. Tenaga elektrik membolehkan peralatan elektrik berfungsi dengan baik. Perhatikan fungsi tenaga elektrik seperti dalam situasi berikut:




Memusingkan kipas




Menghidupkan televisyen



Menyalakan lampu



Memanaskan air



Menanak nasi

Memanaskan makanan



Memutarakan mesin basuh



Ramalkan kehidupan manusia jika tiada bekalan elektrik. Bincangkan.



BA : 34-35  
SP : 4.1.2



## Keperluan Tenaga Elektrik

Tenaga elektrik amat penting dalam kehidupan manusia. Gambar menunjukkan keperluan tenaga elektrik kepada manusia.




1. Tenaga elektrik menyalakan lampu untuk menerangi kawasan yang gelap.





2. Tenaga elektrik memusingkan kipas untuk menyejukkan suasana.





3. Tenaga elektrik menjimatkan masa dan tenaga manusia ketika melakukan kerja.



4. Tenaga elektrik pada lampu isyarat melancarkan pergerakan kenderaan di jalan raya.



### Saya Cuba

Cahaya, Oh, Cahaya!

Lakukan aktiviti ini pada waktu malam. Tulis nama kamu pada sekeping kertas dalam keadaan berikut:

(a) ketika suis lampu dihidupkan.

(b) ketika suis lampu dipadamkan.

Bandingkan kedua-dua tulisan tersebut. Kongsikan pemerhatian kamu dengan rakan.





BA : 36-37  
SP : 4.1.3

## Penjimatan Tenaga Elektrik

Terdapat pelbagai cara untuk menjimatkan tenaga elektrik di rumah. Kita seharusnya menggunakan tenaga elektrik dengan bijaknya dan berhemah seperti cara yang berikut:


Matikan suis lampu dan kipas jika tidak digunakan.




Pastikan pintu peti sejuk sentiasa ditutup rapat.



Gosoklah baju dalam kuantiti yang banyak seminggu sekali.



Hidupkan suis televisyen apabila ingin menonton sahaja.



Basuh baju menggunakan mesin basuh mengikut had muatan yang ditetapkan sahaja.



## PAK-21

1. Lakukan aktiviti ini dalam kumpulan menggunakan kaedah Jalan Galeri.
2. Setiap kumpulan diberikan soalan yang berikut:
  - Bagaimanakah kamu dapat menjimatkan penggunaan tenaga elektrik di sekolah?
3. Catat idea kumpulan pada kertas sebak.
4. Tampilkan hasil kerja pada dinding kelas.
5. Lekatkan 😊 pada cara penjimatan elektrik yang betul.



### Informasi Tambahan


1. Tutup dan cabut semua plag di dalam rumah apabila tidak digunakan.
2. Beli dan gunakan alatan elektrik yang mempunyai kecekapan tenaga yang tinggi.




BA : 38-39  
SP : 4.1.4



## Litar Elektrik Lengkap

Litar elektrik yang lengkap terdiri daripada gabungan beberapa komponen seperti mentol, bateri dan suis. Marilah kita kenal pasti komponen tersebut beserta dengan fungsinya.



Nama	Komponen	Fungsi
Mentol		Mengeluarkan cahaya.
Bateri		Membekalkan tenaga elektrik.
Suis		Memutuskan atau menyambungkan litar.

Yang berikut ialah komponen tambahan dan fungsinya untuk menjadikan litar elektrik lebih sempurna.



**Pemegang Mentol**

- Memegang mentol.



**Pemegang Bateri**

- Meletakkan bateri dengan sempurna.



**Wayar Penyambung**

- Mengalirkan arus elektrik.



## Saya Cuba

## Membina Litar Elektrik

### Alat dan Bahan:

1. Mentol
2. Pemegang Mentol
3. Wayar Penyambung
4. Bateri
5. Pemegang Bateri
6. Suis




### Langkah-langkah:

1. Pasangkan mentol pada pemegang mentol.



2. Masukkan bateri pada pemegang bateri mengikut kutub positif dan negatif.



### Informasi Tambahan


Sekiranya mentol tidak bernyala, kamu perlu memastikan

- wayar disambungkan dengan ketatnya.
- bateri diletakkan dengan betulnya.
- mentol dipasang dengan ketatnya.


### Imbas Saya



3. Gunakan wayar penyambung untuk menyambungkan setiap komponen bagi melengkapkan litar.



4. Tutup suis dan perhatikan mentol.



5. Buka suis dan perhatikan mentol.



### SOALAN

1. Apakah yang berlaku pada mentol jika suis ditutup?
2. Apakah yang berlaku pada mentol jika suis dibuka?
3. Mengapakah mentol tidak menyala walaupun suis telah ditutup?
4. Apakah yang boleh dilakukan supaya mentol menyala?


BA : 40-44  
SP: 4.1.5





## Saya Ingat

1.



2.



3.



4.



5.

Komponen dalam Litar dan Fungsinya			
Mentol	Mengeluarkan cahaya.	Bateri	Membekalkan tenaga elektrik.
Suis	Memutuskan atau menyambungkan litar.	Pemegang Mentol	Memegang mentol.
Pemegang Bateri	Meletakkan bateri dengan sempurna.	Wayar Penyambung	Mengalirkan arus elektrik.

6. Mentol bernyala apabila suis ditutup dan mentol tidak bernyala apabila suis dibuka.



## Saya Jawab

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Namakan sumber tenaga elektrik di bawah.



2. Terangkan fungsi tenaga elektrik di bawah.



3. Jelaskan empat kepentingan tenaga elektrik dalam kehidupan harian.

4. Nyatakan tiga cara menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sama ada di rumah atau di sekolah.

5. Gambar berikut merupakan komponen dalam suatu litar elektrik.



(i) Namakan komponen tersebut.

(ii) Apakah fungsi setiap komponen?

6. Jika mentol dalam litar tidak menyala, apakah yang perlu kamu lakukan?



 SOALAN

Mengapakah pelantar minyak dibina?



## Kenali Petroleum

Petroleum merupakan sumber semula jadi dan dikenali sebagai minyak mentah. Petroleum terbentuk daripada haiwan dan tumbuhan yang mati berjuta-juta tahun dahulu.



- berbentuk cecair
- likat
- berwarna gelap



### Soalan

Apakah maksud minyak mentah?

BA : 45-46  
SP: 5.1.1

## Kegunaan Petroleum di Sekeliling Kita

Petroleum mempunyai banyak kegunaan dalam kehidupan kita. Sebelum digunakan, petroleum perlu diproses untuk menghasilkan pelbagai bahan kegunaan lain. Antara kegunaan petroleum termasuklah:

### 1. Bahan api kenderaan



minyak kereta



minyak kapal terbang

### 2. Minyak pelincir



pelincir rantai basikal



pelincir mesin jahit

### 3. Produk petrokimia



botol plastik



sarung tangan plastik



cat

### 4. Minyak tar



### 5. Jalan tar



#### Informasi Tambahan

Petrokimia ialah proses mengubah petroleum menjadi produk boleh guna seperti cat, plastik, racun perosak, kain, baja dan sabun.



Mengapakah petroleum penting dalam kehidupan kita?






## Saya Cuba

## Mobil Kegunaan Petroleum

### Alat dan Bahan:

1. Gambar kegunaan petroleum
2. Gam
3. Gunting
4. Penyangkut baju
5. Reben kain
6. Kad manila



### Langkah-langkah:



1. Kelaskan gambar mengikut kegunaan petroleum dan tampalkan.



2. Gamkan reben kain pada kad bergambar.



3. Gantung kad gambar pada penyangkut baju.



## PAK-21

Petroleum ialah sumber tenaga yang tidak boleh baharu. Cari maksud 'tidak boleh baharu'. Kongsikan hasil carian kamu dengan rakan sekelas.

BA : 47-49  
SP : 5.1.2

# Kepentingan Petroleum

Industri petroleum penting kepada pembangunan dan kemajuan negara. Yang berikut merupakan kepentingan petroleum.

1. Membangunkan bandar baharu yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan.



Petempatan penduduk



Lapangan terbang



Kawasan perniagaan



Sekolah



## 2. Menyediakan bahan mentah untuk mengembangkan industri petrokimia.



Botol plastik



Sarung tangan plastik



PVC



Baldi



Cat



Bekas makanan



### Informasi Tambahan


PETRONAS merupakan syarikat cari gali milik Malaysia yang berjaya memajukan industri petroleum di Malaysia.



3. Memberikan peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang kepada penduduk tempatan.



Juruteknik



Jurutera



Pekerja pam minyak



Pemandu lori minyak



Penyelidik

## Soalan

Apakah yang akan berlaku jika negara kita kehabisan sumber petroleum?

BA : 50-51  
SP : 5.1.3

## Hargailah Produk Petroleum

Elsie dan ayahnya pergi ke pasar raya untuk membeli barangan keperluan harian.




Tahukah kamu bahawa penggunaan bahan daripada sumber petroleum boleh menyebabkan pencemaran alam?  
Amalkan cara yang bijak untuk memelihara alam sekitar.

# 4

## Cara Bijak Mengurus Sumber Petroleum dalam Mengekalkan Alam Sekitar

1



Mengitar semula bahan plastik.

2



Mengurangkan penggunaan beg plastik.

3



Menggunakan bekas yang dibawa dari rumah.

4



Menggunakan kenderaan awam.

### Soalan

Bagaimanakah kamu boleh membantu mengurangkan pencemaran alam sekitar daripada bahan sumber petroleum?

Imbas Saya




BA : 52-54  
SP: 5.1.4






## Saya Ingat

1. Petroleum merupakan sumber semula jadi dan dikenali sebagai minyak mentah. Petroleum terhasil daripada haiwan dan tumbuhan yang mati berjuta-juta tahun dahulu. Petroleum berbentuk cecair yang likat dan berwarna gelap.
2. Petroleum diproses untuk menghasilkan bahan kegunaan kita seperti bahan api kenderaan, produk petrokimia, minyak pelincir dan minyak tar.



3.





## Saya Jawab

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Isi ruang kosong berikut dengan jawapan yang betul.

tumbuhan

gelap

haiwan

likat

minyak mentah

Petroleum merupakan sumber semula jadi. Petroleum dikenali sebagai \_\_\_\_\_ . Petroleum terhasil daripada \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ yang mati berjuta-juta tahun dahulu. Petroleum berbentuk cecair yang \_\_\_\_\_ dan berwarna \_\_\_\_\_ .

2. Pilih dan tulis kegunaan petroleum.

bahan api

komputer

produk petrokimia

produk kesihatan

perabot

minyak pelincir

bahan biojisim

minyak tar

minyak masak

3. Jelaskan dua kepentingan petroleum.

4. Berdasarkan pernyataan di bawah, nyatakan cara mengatasi masalah tersebut.

Penggunaan beg plastik boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar.

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang hidup dalam negara yang aman dan sejahtera. Aktiviti kebudayaan yang disertai pelbagai kaum dapat memupuk semangat perpaduan dan nilai kasih sayang dalam kalangan masyarakat.



Mengapakah kita perlu berbangga menjadi rakyat Malaysia?



# Kenali Identiti Negara Kita

Sebelum ini, kamu telah belajar tentang Jalur Gemilang dan lagu Negaraku. Pada kali ini, kamu akan belajar tentang bahasa kebangsaan dan bunga kebangsaan pula.



## A. Bahasa Kebangsaan

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah ditubuhkan untuk membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang.



Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan negara kita. Penggunaan bahasa kebangsaan dapat memupuk semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan rakyat.

Bertuturlah dengan bahasa Melayu yang betul. Bahasa Melayu ialah lambang identiti negara kita.



Imbas Saya



### Informasi Tambahan

Semangat patriotisme ialah semangat cinta akan negara.

## B. Bunga Kebangsaan

Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama telah mengisytiharkan Bunga Raya sebagai bunga kebangsaan pada 28 Julai 1960.

Mudah ditanam.

Banyak terdapat di negara kita.

**Bunga Raya telah dipilih sebagai bunga kebangsaan kerana mempunyai banyak keistimewaan.**


Dikenali dengan satu nama sahaja di seluruh negara.

Berbunga sepanjang tahun.

Warna merah pada kelopak melambangkan keberanian menempuh cabaran.

Lima kelopak boleh dikaitkan dengan prinsip Rukun Negara.

Bunga ini melambangkan perpaduan rakyat Malaysia.



Bagaimanakah kamu menunjukkan rasa hormat kepada identiti negara?



### Informasi Tambahan

Terdapat identiti negara yang lain seperti Jata Negara dan Tugu Negara.

BA : 55-57  
SP : 6.1.1

# Budaya dan Amalan Masyarakat Kita

Azim dan kawan-kawannya sedang berjalan pulang ke rumah. Mereka terpancang iklan tentang pertandingan tarian tradisional.

Azim, ada pertandingan tarian tradisional.

**PERTANDINGAN TARIAN TRADISIONAL TAMAN INTAN SETIA UNTUK PENARI CILIK**

 Tarian Zapin Tarian masyarakat Melayu	<p>Tarikh: 1 Februari 2022</p> <p>Tempat: Dewan Taman Intan Setia</p> <p>Masa: 9:00 pagi</p>	 Tarian Kipas Tarian masyarakat Cina
 Tarian Kolattam Tarian masyarakat India	<p>Terbuka kepada kanak-kanak berbakat yang berumur 7-12 tahun</p>	 Tarian Sewang Tarian masyarakat Orang Asli
 Tarian Rejang Be'uh Tarian masyarakat Dayak Bidayuh	<p><b>JOHAN RM800</b> <b>NAIB JOHAN RM500</b> <b>KETIGA RM300</b></p>	 Tarian masyarakat

Ya, Kiran. Tahun ini saya ingin menyertainya.

Wah, menariknya!

Imbas Saya





## A. Budaya Masyarakat

### (i) Tarian

Masyarakat Malaysia mewarisi pelbagai tarian tradisional yang unik. Seni tari ini perlu dihargai supaya kekal dan menjadi identiti negara yang boleh dibanggakan.

## PERTANDINGAN TARIAN TRADISIONAL TAMAN INTAN SETIA UNTUK PENARI CILIK



**Tarian Zapin**  
Tarian masyarakat Melayu

Tarikh:  
**1 Februari 20□□**

Tempat:  
**Dewan Taman Intan Setia**

Masa:  
**9:00 pagi**



**Tarian Kipas**  
Tarian masyarakat Cina



**Tarian Kolattam**  
Tarian masyarakat India

Terbuka kepada  
kanak-kanak  
berbakat yang  
berumur 7-12  
tahun



**Tarian Sewang**  
Tarian masyarakat Orang Asli



**Tarian Rejang Be'uh**  
Tarian masyarakat Dayak Bidayuh



**Tarian Sumazau**  
Tarian masyarakat Kadazandusun

**JOHAN  
RM800  
NAIB JOHAN  
RM500  
KETIGA  
RM300**

## (ii) Alat Muzik Tradisional



**Rebana** ialah alat muzik tradisional masyarakat Melayu.



**Tawak** digunakan dalam persembahan tarian masyarakat di Sarawak.



Persembahan Tarian Kolattam menggunakan **urumi**.



Masyarakat Cina sering menggunakan **bo** dalam persembahan tarian.



**Sompoton** ialah alat muzik yang digunakan dalam Tarian Sumazau.



### Informasi Tambahan

Konsep kebudayaan merangkumi keseluruhan cara hidup yang dikongsi dan diwarisi seperti tarian, alat muzik, makanan, bahasa dan lain-lain.



## B. Amalan Masyarakat



Amalan bersalaman dan memohon maaf dalam masyarakat Melayu.



Amalan makan besar dalam masyarakat Cina.





Amalan memohon restu daripada ibu bapa dalam masyarakat India.



Amalan menghias pohon ranyai oleh masyarakat Dayak Sarawak semasa Hari Gawai.



## PAK-21

Dapatkan maklumat tentang amalan lain dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hasilkan buku skrap dan kongsikannya dengan rakan kamu.

BA : 58-60  
SP: 6.1.2

## Uniknya Masyarakat Malaysia

Mei Li, Elsie dan Kiran meraikan sambutan Hari Malaysia bersama-sama dengan Azim di Dewan Taman Seri Intan.





Uniknya kita apabila boleh menerima dan berkongsi pelbagai budaya dengan kaum lain. Amalan masyarakat Malaysia yang unik dapat dilihat dari segi makanan dan sikap hormat-menghormati.



## Soalan

Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu mengekalkan keunikan masyarakat di negara kita?

BA : 61-62  
SP : 6.1.3



## Amalan dan Budaya Masyarakat Inklusif

Amalan masyarakat inklusif penting dalam membentuk negara yang sejahtera. Terdapat pelbagai cara untuk menerapkan amalan dan budaya masyarakat inklusif dalam kalangan masyarakat. Antaranya termasuklah:



Sambutan Hari Kebangsaan yang disambut di seluruh negara dapat memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat Malaysia.



### Informasi Tambahan

Masyarakat inklusif bermaksud masyarakat yang mempunyai kesaksamaan hak dan penyertaan penuh dalam masyarakat.



Amalan saling membantu dalam masyarakat tanpa mengira kaum dapat mewujudkan masyarakat Malaysia yang harmoni.



Masyarakat sedar dan mengambil berat keperluan golongan Orang Kurang Upaya (OKU).



## PAK-21

Jika kamu seorang jutawan, apakah yang akan kamu lakukan untuk membantu orang yang kurang mampu? Bincangkannya bersama-sama dengan rakan kamu.

BA : 63-64  
SP : 6.1.4



## Saya Ingat

1. Bahasa Kebangsaan dan Bunga Raya adalah antara identiti negara Malaysia.

### Budaya dan Amalan Masyarakat Malaysia yang Pelbagai

Mempunyai pelbagai jenis tarian seperti Tarian Zapin, Tarian Kipas, Tarian Kolattam, Tarian Sewang, Tarian Rejang Be'uh dan Tarian Sumazau.

Mempunyai pelbagai jenis alat muzik seperti rebana, bo, urumi, tawak dan sompoton.

Mempunyai pelbagai amalan bagi setiap kaum seperti bersalaman, makan besar, memohon restu dan menghias pohon ranyai.

2.

### Keunikan Masyarakat Malaysia

Meraikan sesuatu sambutan dan perayaan bersama-sama.

Menikmati makanan pelbagai kaum bersama-sama.

Menghormati kaum lain berdasarkan amalan agama masing-masing.

3.

### Amalan dan Budaya Masyarakat Inklusif

Meraikan sambutan Hari Kebangsaan.

Memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Menyediakan kemudahan kepada OKU.





## Saya Jawab

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Namakan identiti negara berdasarkan gambar di bawah.

a



b



2. Namakan tarian di bawah.

a



b



3. Nyatakan keunikan masyarakat di Malaysia.

4. Senaraikan aktiviti yang boleh dilakukan bersama-sama untuk mengeratkan perpaduan.

## UNIT 7

# KEMAHIRAN BERURUSAN DI KAUNTER


Pernahkah kamu berurusan di tempat seperti dalam gambar?  
Ceritakan pengalaman kamu.





## Jenis Perkhidmatan Kaunter

Perkhidmatan kaunter membantu kita berurusan dengan mudahnya. Mari kita ikuti kisah Kiran yang berurusan di kaunter bersama-sama dengan ibunya.



Ibu Kiran telah pergi ke pejabat sekolah untuk memohon kebenaran membawa Kiran keluar.



Mereka pergi ke Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengambil kad OKU.





Selepas itu, Kiran dan ibunya pergi ke bank untuk membuka akaun simpanan Kiran.



Selesai berurusan di bank, mereka singgah di pejabat pos. Ibu Kiran ingin mengirim bungkusan kepada nenek Kiran di Sarawak.


Terdapat pelbagai jenis perkhidmatan kaunter.  
Mari kita lihat contoh di bawah.



Kita perlu membuat kad pengenalan  
di kaunter pejabat jabatan pendaftaran.



Kita mestilah mendaftarkan pesakit di **kaunter pendaftaran** sebelum berjumpa dengan doktor.



Kita boleh membeli tiket perjalanan di kaunter tiket.



Kita perlu membuat pasport di kaunter pejabat imigresen.



Apakah yang akan berlaku jika perkhidmatan kaunter tidak disediakan?

BA : 65-67  
SP : 7.1.1



## Kemahiran Berkomunikasi di Kaunter

Kemahiran berkomunikasi sangat penting apabila berurusan di kaunter. Antara kemahiran berkomunikasi yang betul termasuklah:

# 4

### KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI DENGAN BETULNYA



1 Memberikan senyuman ketika berurusan.



2 Memandang dan memberikan perhatian semasa berkomunikasi dengan petugas di kaunter.



3 Berdiri dengan cara yang betul ketika berurusan di kaunter.

- 4 Bertutur dengan suara yang jelas supaya mudah difahami dan mendengar dengan telitinya.



### Soalan

Apakah kebaikan kita mengamalkan kemahiran berkomunikasi?



### Informasi Tambahan

Bahasa badan seperti memberikan senyuman, cara memandang dan memberikan perhatian sangat penting dalam berkomunikasi.

BA : 68-70  
SP : 7.1.2

## Etika Berkomunikasi di Kaunter

Kita perlu menjaga adab semasa berkomunikasi. Perlakuan yang sopan akan disukai orang. Mari kita belajar adab berkomunikasi ketika berurusan di kaunter perkhidmatan.

Berpakaian kemas dan bersih supaya orang yang berurusan dengan kita berasa selesa.

Memanggil seseorang dengan panggilan hormat yang betul.

Tunjukkan rasa hormat dengan menggunakan kata sapaan.

KAUNTER

Selamat petang.

KAUNTER 2

Selamat petang.

KL-IPOH-KEDAH  
KL-SEREMBAN-  
MELAKA-JB  
10:00 PAGI, 10:00 MALAM  
9:00 PAGI, 9:00 MALAM

Puan, saya ingin membeli dua keping tiket perjalanan ke Ipoh.

KL-IPOH  
KL-SEREMBAN  
MELAKA-JB  
10:00 PAGI, 10:00 MALAM  
9:00 PAGI, 9:00 MALAM



Etika berkomunikasi yang berkesan dapat mewujudkan suasana yang harmoni dan mesra antara pelanggan dengan petugas.



### Soalan

Mengapakah kita perlu beradab semasa berurusan di kaunter?

# Mari Bermain Dam Komunikasi



## Cara Bermain

1. Pemain yang berhenti pada simbol bintang perlu memilih satu kad.
2. Baca arahan pada kad dengan kuatnya dan melakonkan situasi pada kad bersama-sama dengan rakan kamu.
3. Pemain yang paling banyak dapat melakonkan situasi dengan baiknya dipilih sebagai pemenang.

### Kad 1

#### Situasi di kaunter bank.

Kamu diminta berurusan dengan petugas kaunter untuk mengeluarkan wang simpanan.

11

12

13

14

15

16

17

18

TAMAT

20

19

### Kad 2

Situasi di kaunter tiket. Kamu diminta membeli tiket ke Seremban.

### Kad 3

Situasi di kaunter pendaftaran di sebuah klinik. Kamu ingin berjumpa dengan doktor kerana mengalami demam.

### Kad 4

Situasi di kaunter pejabat sekolah. Kamu perlu meminta kebenaran keluar dari sekolah daripada petugas.





## Saya Cuba

1. Lakukan aktiviti secara berpasangan.
2. Guru menyediakan beberapa kad dialog. Seorang wakil daripada setiap pasangan dikehendaki memilih kad tersebut.
3. Lakonkan arahan yang diberikan.
4. Rakan lain akan membuat penilaian menggunakan senarai semak yang diberikan oleh guru.



### Senarai Semak Penilaian Rakan

Nama: .....	Tandakan (/) pada simbol berikut:
Adab berurusan di kaunter.	😊 ☹️
Berpakaian kemas dan bersih.	
Menggunakan kata sapaan yang sesuai.	
Memanggil petugas dengan panggilan hormat yang sesuai.	
Bertutur dengan suara yang sopan.	
Mengucapkan terima kasih selepas berurusan.	



## Soalan

Apakah yang akan kamu lakukan jika melihat rakan kamu tidak beradab semasa berurusan di kaunter?


BA : 71-76  
SP: 7.1.3, 7.1.4




## Saya Ingat

1.

### Jenis Perkhidmatan Kaunter



2.



3.




4. Kita perlulah berurusan di kaunter perkhidmatan dengan berhemah dan beradab.



## Saya Jawab

Jawab semua soalan dalam buku latihan.

1. Nyatakan tiga jenis perkhidmatan kaunter.
2. Senaraikan dua kemahiran berkomunikasi yang telah kamu pelajari.
3. Apakah pendapat kamu tentang gambar di bawah?



4. Sebutkan tiga etika berkomunikasi di kaunter.
5. Mengapakah kita perlu berurusan di kaunter secara berhemah dan beradab?